

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN  
Tajuk : MAJLIS PERJUMPAAN BERSAMA PELAJAR-PELAJAR  
Lokasi : REPUBLIK KOREA  
Tarikh : 27-10-2002

TYT Dato' V. Yoogalingam, Duta Besar Malaysia ke Korea dan Datin Mei Lin Yoogalingam Pegawai dan staf Kedutaan Saudara / saudari pelajar Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera.

Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, dapat kita bersama-sama di majlis pada malam ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada Dato' Duta Besar dan staf kedutaan di atas kerjasama dalam mengaturkan program lawatan ke Korea kali ini serta perjumpaan bersama pelajar-pelajar pada malam ini. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada saudara/saudari pelajar yang hadir pada malam ini walaupun dalam keadaan sibuk menghadapi pelajaran masing-masing.

Saudara/saudari sekalian,

3. Sebelum saya meneruskan ucapan ini, mungkin saudara/saudari ingin mengetahui perkembangan semasa di negara yang kita cintai. Alhamdulillah negara kita pada masa sekarang adalah dalam keadaan stabil.

Walaupun kita dapati berlaku kekacauan di beberapa negara rantau Asean seperti pengeboman di Bali, Indonesia dan di Filipina tetapi di negara kita, Insya Allah tiada berlaku apa-apa rusuhan, kekacauan dan keadaan negara adalah terkawal dan kita yakin keadaan ini akan berterusan.

4. Dalam usaha memastikan keselamatan negara kita, Kerajaan juga telahpun mengambil langkah positif sewajarnya bagi membenters aktiviti-aktiviti/kumpulan- kumpulan radikal termasuk penahanan beberapa suspek yang menganggotai KMM yang boleh memberikan ancaman kepada keamanan negara.

5. Beralih kepada isu kemakmuran negara, petunjuk- petunjuk ekonomi menampakkan kemajuan yang positif.

Langkah-langkah pemulihan ekonomi Kerajaan adalah berkesan dan diakui oleh dunia luar. Semuanya ini adalah hasil pemikiran pemimpin kita serta kerjasama, sokongan dan pengorbanan seluruh rakyat Malaysia dalam usaha menggembleng tenaga bagi menjayakan rancangan serta dasar-dasar Kerajaan. Dengan keadaan politik yang stabil, kemantapan ekonomi dan pelaksanaan polisi- polisi Kerajaan yang berkesan akan membolehkan pembangunan negara dapat diteruskan bagi mencapai wawasan negara.

Saudara/saudari yang saya hormati,

6. Pembangunan sumber manusia terus diberikan perhatian oleh Kerajaan untuk memastikan generasi akan datang adalah generasi berilmu khususnya dalam menghadapi cabaran globalisasi. Malaysia merupakan antara negara yang tertinggi di dunia dari segi perbelanjaan pendidikan. Dalam usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Serantau, penghantaran pelajar-pelajar kita ke negara-negara tradisi seperti UK, US dan Australia telah dikurangkan. Walau bagaimanapun, program-program di bawah Dasar Pandang ke Timur iaitu Jepun dan Republik Korea diteruskan. Penerusan program DPT ini menandakan keyakinan Kerajaan bahawa model pembangunan Jepun dan Republik Korea masih relevan untuk pembangunan Malaysia.

7. Pada tahun ini genaplah 20 tahun pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur dan tidak dapat dinafikan bahawa ilham Y.A.B. Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan DPT pada tahun 1982 dahulu merupakan faktor terpenting dalam menjayakan penghantaran saudara/saudari ke Republik Korea sehingga sekarang. Sewajarnya jasa pemimpin yang berwawasan kita terus dikenangi oleh rakyat

Malaysia terutama sekali saudara/saudari yang memperolehi peluang keemasan ini.

8. Sehubungan dengan itu, di kesempatan ini saya ingin mengimbaskan kembali sejarah dan matlamat Dasar Pandang ke Timur dengan harapan supaya ianya dapat menguatkan lagi iltizam saudara/saudari dengan memahami dan menghayatinya yang mungkin telah dilupakan.

9. Dasar Pandang ke Timur diumumkan secara rasmi buat pertama kalinya oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982 semasa perasmian Persidangan Tahunan ke-5 Malaysia - Japan Economic Association (MAJECA) dan Japan - Malaysia Economic Association (JAMECA) di Kuala Lumpur. Dasar ini kemudiannya telah dipanjangkan ke Republik Korea yang diumumkan melalui pernyataan bersama antara Y.A.B. Perdana Menteri dan TYT Presiden Chun Doo Hwan sempena lawatan Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Republik Korea pada 8 hingga 14 Ogos 1983.

10. Antara intisari ucapan Y.A.B. Perdana Menteri ialah penekanan tentang kebaikan etika kerja dan nilai-nilai positif orang-orang Jepun dan Korea terutamanya dari segi disiplin, komitmen, sikap yang betul terhadap kerja, ketaatan terhadap tempat kerja di samping mempelajari teknologi dan kepakaran dari Jepun dan Korea.

11. Keperluan tersebut selaras dengan perkembangan di Malaysia di mana pada awal tahun 1980-an, Malaysia telah mula membangunkan sektor perindustrian dan sistem pengeluaran dan model pengurusan yang diamalkan semata-mata berdasarkan model dan sistem Barat. Pada pendapat Y.A.B. Perdana Menteri, sistem pengeluaran dan model pengurusan Jepun dan Korea boleh dijadikan sebagai alternatif atau pelengkap kepada sistem dan model Barat itu. Ini jelas terbukti di mana negara Jepun mahupun Korea telah dapat membangunkan negara mereka dalam masa yang singkat sehingga menjadi sebuah negara maju di dunia walaupun kekurangan sumber semula jadi. Punca-punca kejayaan merekalah yang ingin kita pelajari dan contohi.

12. Tujuan saya memaklumkan semula sejarah dan objektif DPT ini, kerana adalah juga terdapat sebilangan pelajar yang masih tidak jelas matlamat penghantaran mereka meneruskan pengajian ke Korea atau terdapat salah anggapan bahawa pelajar-pelajar 'second class' sahaja dihantar ke Korea. Sesungguhnya semua pelajar tajaan JPA adalah pelajar terpilih sama ada mereka meneruskan pengajian ke UK, US dan lain-lain negara. Di sini jelas sekali bahawa peranan dan tanggungjawab Kerajaan di dalam pembangunan sumber manusia menerusi penghantaran dan penajaan pelajar-pelajar terpilih ke luar negeri termasuk Korea sendiri.

Generasi inilah yang diharapkan akan menerajui kepimpinan negara pada masa akan datang sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Saudara saudari sekalian,

13. Satu perkara lagi yang ingin saya maklumkan adalah mengenai beberapa keistimewaan kepada mereka yang menerima pendidikan dari universiti-universiti di Republik Korea di bawah Dasar Pandang ke Timur.

Pertama saya katakan istimewa kerana pelajar-pelajar Korea tidak mengalami kesukaran mendapat pekerjaan yang baik setelah mereka menamatkan pengajian dengan jaya terutama dari firma-firma Korea. Firma-firma Korea menyedari pelajar-pelajar lepasan universiti/kolej teknikal di Korea adalah berkualiti dan boleh menulis/bertutur dalam bahasa Korea di samping Bahasa Inggeris dan mempunyai etika kerja yang positif.

14. Kedua, Kerajaan Republik Korea sendiri mengambil inisiatif yang tinggi untuk menjayakan program-program di bawah Dasar Pandang Ke Timur ini. Sesungguhnya Kerajaan Republik Korea sentiasa memberikan bantuan dan sokongan kepada Kerajaan Malaysia dalam melaksanakan program-program DPT Korea.

15. Ketiga, Kerajaan Malaysia adalah komited bagi menjayakan Dasar Pandang ke Timur. Y.A.B. Perdana Menteri sendiri sentiasa memberikan sokongan peribadi beliau di dalam menjayakan program-program di bawah DPT ini. Malahan beliau telah menyatakan bahawa Kerajaan akan memberi lebih perhatian kepada Republik Korea di bawah DPT melalui pertambahan pelajar dan meninjau peluang-peluang latihan dan pendidikan yang baru.

16. Selain dari itu, keistimewaan negara Republik Korea juga dapat dilihat di atas beberapa kejayaan yang diperolehinya. Umpamanya, kejayaan mereka membangunkan negara daripada sebuah negara yang ekonominya berasaskan pertanian kepada sebuah negara industri yang maju di dunia dalam tempoh yang singkat iaitu lebih kurang 40 tahun sahaja. Juga dapat kita lihat bagaimana mereka berjaya menghadapi krisis ekonomi 1997/ 1998. Walaupun mereka meminjam daripada IMF sebanyak US \$19.2 bilion, tetapi ianya dapat dijelaskan dalam tempoh yang singkat. Dan banyak lagi kejayaan yang telah dicapai yang boleh kita ikuti dan contohi.

17. Di atas beberapa keistimewaan yang saya maklumkan sebentar tadi, saya amat berharap saudara/saudari menyedari dan menginsafi dengan sebenar-benarnya peranan dan tanggungjawab saudara/saudari, kenapa saudara/saudari dipilih dan dihantar ke universiti/kolej teknikal di Korea.

Saudara/saudari yang saya hormati,

18. Pada keseluruhannya saya amat berpuas hati dengan rekod pencapaian pelajar-pelajar yang dihantar ke Republik Korea ini berdasarkan peratus kegagalan yang amat kecil jumlahnya. Namun demikian, masih ada ruang untuk pelajar tingkatkan prestasi bukan sekadar lulus dan mendapat ijazah tetapi berjaya sebagai pelajar cemerlang. Suka juga saya menasihatkan pelajar-pelajar sekalian supaya dapat menggunakan segala peluang semasa belajar di Korea dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran. Nilai-nilai positif masyarakat Korea patut dihayati dan dipraktikkan sama ada semasa di Korea mahupun apabila kembali ke Malaysia nanti. Nilai- nilai seperti bersiplin, bersih, amanah, cekap, dedikasi, rajin dan sebagainya merupakan salah satu kombinasi beberapa faktor kejayaan negara Korea.

19. Di samping penguasaan bahasa Korea yang merupakan medium utama pengajian saudara /saudari, Bahasa Inggeris juga perlu ditekankan kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi antarabangsa. Kerajaan Korea sendiri juga telah mulai memberikan perhatian terhadap penguasaan Bahasa Inggeris.

20. Pelajar sebagai bakal pemimpin generasi akan datang patut melihat lebih jauh akan tanggungjawab dan peranan masing-masing. Pelajar perlu ada vision.

Kesedaran akan peranan dan tanggungjawab bersama sebagai rakyat dalam memastikan negara Malaysia terus maju. Ini termasuklah peranan dan kerjasama Malaysia di peringkat antarabangsa. Setiap individu perlu mempersiapkan diri ke arah itu termasuklah saudara/saudari yang berada di Republik Korea ini.

21. Sebagai pelajar terpilih, saya penuh yakin saudara/saudari mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Percayalah bahawa tiada ada masalah di dunia ini yang tidak boleh diatasi dan yakinlah setiap usaha akan disusuli dengan kejayaan. Yang penting belajarlah bersungguh-sungguh dan timbalah ilmu pengetahuan dan pengalaman sebanyak mungkin.

22. Akhir kata, saya mendoakan agar semua pelajar dapat mengikuti pengajian dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab dan seterusnya menamatkan pengajian dengan cemerlang. Kejayaan para pelajar nanti adalah untuk kebaikan diri sendiri dan keluarga bahkan akan dapat memberi sumbangan yang bermakna ke arah mencapai matlamat menjadikan negara kita Malaysia sebuah Negara maju dan gemilang. Insyallah.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t.